

---

## TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN: UNDANG-UNDANG, PELAKSANAAN DAN REALITI

Izawati Wook<sup>1</sup>, Nawal Sholehuddin, Nurfadhilah Che Amani, Siti Selihah Che Hassan, Azman Ab. Rahman, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Syed Mohd Najib Syed Omar, Lukman Abdul Mutualib, Nabilah Yusof, Syaryanti Hussin, Che Zuhaida Saari, Ahmad Anis Muhd Fauzi, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### Abstrak

*Hukum Adat Perpatih di Negeri Sembilan telah dikanunkan dalam bentuk undang-undang bertulis sejak awal kurun ke 20 dengan pengenalan Enakmen Pemegangan Adat 1909. Enakmen ini telah meletakkan asas kepada kelangsungan peraturan adat yang menjadi pegangan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sejak zaman berzaman sehingga ke masa kini. Begitupun tanah adat berhadapan dengan pelbagai isu termasuklah isu tanah terbiar dan jumlah keluasan tanah adat yang semakin berkurangan. Tambahan pula, kajian perundangan berkaitan amalan dan kedudukan tanah adat di sisi undang-undang Malaysia masih kurang dijalankan. Kertas ini merupakan satu tinjauan awal yang meneliti undang-undang khususnya statut sedia ada berkaitan tanah adat di Negeri Sembilan. Ia juga mengenalpasti isu-isu perundangan yang memerlukan kajian lanjut. Ia menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang disokong oleh dapatan daripada kaji selidik dan beberapa temu bual pakar. Hasil kajian mendapati timbulnya persoalan samada undang-undang sedia ada masih sesuai dengan kehendak amalan semasa tanah adat justeru membawa kepada perlunya dijalankan kajian lanjut untuk menjawab persoalan tersebut. Kajian ini penting dalam usaha untuk menilai dan melihat kembali kedudukan undang-undang tersebut bagi memastikan aset yang penting bagi masyarakat adat di Negeri Sembilan terus mampan menghadapi perubahan zaman.*

Kata kunci: Tanah adat; Adat Perpatih dan isu undang-undang

### Abstract

*The laws on Adat Perpatih in Negeri Sembilan has been codified since the early 20th century with the introduction of the Customary Tenure Enactment 1909. This Enactment set the base for the preservation of adat law which has been practiced by the Adat Perpatih community in Negeri Sembilan since time immemorial. However, the customary land is now facing various issues including issue of abandoned land and decreasing in number. Besides research that relates to the practices and the position of customary land in Malaysian law is limited. This is an exploratory research which aims to examine the present laws relating to the Adat Perpatih land in Negeri Sembilan. It also identifies issues in the position of the laws as well as its implementation. It adopts library research method with the support of finding from a survey and expert interview. The study found the needs to consider whether the current law is capable to address the needs of the present practice of customary land. The present study is important in analysing the position of such law to ensure the important assets for the adat community in Negeri Sembilan is sustainable.*

Keywords: Tanah adat (customary land); Adat Perpatih and legal issues

---

<sup>1</sup> izawati@usim.edu.my

## PENGENALAN

Tanah adat bagi masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan merupakan satu aset yang telah dipelihara sejak zaman berzaman sehingga ke masa kini. Ia juga telah dikanunkan dalam bentuk undang-undang bertulis dengan pengenalan beberapa enakmen yang juga disokong dengan peruntukan perlembagaan negeri dan negara. Enakmen-enakmen ini telah meletakkan asas kepada kelangsungan peraturan adat tersebut. Undang-undang ini khususnya menyediakan ruang bagi tanah-tanah adat didaftarkan dalam suatu sistem pendaftaran yang lebih tersusun dan sistematik. Ini merupakan satu instrumen bagi memelihara pemilikan tanah-tanah adat dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan seterusnya melindungi kepentingan generasi yang akan datang.

Sungguhpun terdapat statut khas bagi pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan, namun sekiranya dilihat dari sudut saiznya, institusi tanah adat telah semakin kurang kepentingannya. Berdasarkan data yang diperoleh pada tahun 1996, jumlah tanah yang dicatat sebagai tanah adat hanyalah 6.39% berbanding jumlah hakmilik lain yang didaftar di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftar dan Hakmilik Pejabat Tanah. Dari sudut keluasan tanah adat hanyalah sekitar 2% dari keseluruhan Negeri Sembilan. Manakala daerah yang paling banyak didaftarkan tanah adat adalah di Rembau yang mencatat sebanyak 12.4% berbanding luas keseluruhan daerah tersebut (Kadimi, 2015). Manakala, di Kuala Pilah, menurut data yang diperoleh pada tahun 2012, peratusan tanah adat berbanding dengan jumlah keseluruhan tanah di daerah itu hanyalah 11.4% (Jamil & Taib, 2012).

Manakala, beberapa kajian menunjukkan tidak ramai pemilik tanah adat yang mahu mendaftarkan tanah mereka sebagai tanah adat. Contohnya, terdapat banyak harta pesaka carian yang tidak didaftarkan sebagai tanah adat sungguhpun di bawah hukum adat, harta pesaka carian berubah menjadi harta milik suku sesudah kematian pemiliknya dan oleh itu mesti diwarisi oleh anggota perempuan (Haron, 1997). Selain itu, terdapat juga tanah-tanah adat yang diperoleh kembali oleh pihak berkuasa negeri menerusi Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Ini menyebabkan jumlah tanah adat semakin berkurangan (Kadimi, 2015). Tambahan pula, tidak kurang juga tanah adat yang hilang milikannya dari anggota suku asal apabila ia dijual atau digadai. Ini merupakan manifestasi kepada pelbagai masalah yang dihadapi oleh perundangan melibatkan tanah adat.

Dalam pada itu, kajian perundangan berkaitan amalan dan kedudukan tanah adat di sisi undang-undang Malaysia pada masa kini masih kurang dijalankan. Oleh yang demikian, kertas ini membuat suatu tinjauan awal bagi meneliti undang-undang terbabit khususnya statut sedia ada berkaitan tanah adat di Negeri Sembilan serta skop aplikasinya. Ia juga mengenalpasti isu-isu perundangan yang memerlukan kajian lanjut.

Kajian ini menggunakan kaedah ‘kajian perpustakaan’ dan disokong oleh dapatan daripada kaji selidik secara survei dan temu bual. Survei dijalankan ke atas populasi masyarakat tanah adat yang meliputi tiga daerah iaitu Kuala Pilah, Rembau dan Tampin yang melibatkan seramai 525 orang responden yang telah dikenalpasti secara persampelan rawak mudah. Kaedah temubual juga digunakan yang mana empat orang telah ditemubual yang terdiri daripada kalangan Undang iaitu ketua ‘luak’, timbalan mufti dan ahli akademik yang mempunyai kaitan secara langsung sebagai pengelola urusan berkaitan tanah adat di Negeri Sembilan ataupun dengan cara tidak langsung. Data yang diperoleh menerusi survei dan temubual digunakan untuk membandingkannya dengan data yang diperoleh menerusi kajian perpustakaan.

Kajian ini penting dalam usaha untuk menilai dan melihat kembali kedudukan undang-undang tersebut bagi memastikan aset yang penting bagi masyarakat adat di Negeri Sembilan terus mampan menghadapi perubahan zaman.

## ENAKMEN-ENAKMEN BERKAITAN TANAH ADAT YANG BERKUATKUASA PADA MASA KINI DI NEGERI SEMBILAN

Undang-undang pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan pada masa kini diatur oleh 3 enakmen. Pertama, *Enakmen Pemegangan Adat Bab 215* digunakan untuk mentadbir tanah-tanah adat di daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau, Tampin dan daerah Kecil Gemas. Dari segi pentadbiran adat, ia meliputi wilayah-wilayah Adat Luak Tanah Mengandung (Luak Ulu Muar, Luak Terachi, Luak Inas, Luak Gunung Pasir, Luak Jempol), Luak Jelebu, Luak Rembau, Wilayah Adat Tengku Besar Tampin, Luak Gemencheh dan Wilayah Adat Penghulu Pusaka Air Kuning.

Kedua, *Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) Tahun 1960*. Enakmen ini digunakan untuk mentadbir tanah-tanah yang dikenali Tanah Adat Lengkungan di daerah Kuala Pilah sahaja, atau dari segi pentadbiran adat ia meliputi Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir dan sebahagian daripada Luak Jempol.

Ketiga, *Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949*. Enakmen ini digunakan untuk mentadbir lima lot tanah di daerah Rembau yang menjadi kepunyaan khusus Undang Luak Rembau dan penggantinya. Kertas ini hanya memfokuskan kepada dua enakmen yang pertama.

### **Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 (EPA Bab 215)**

Enakmen ini menggariskan peraturan bagi pentadbiran tanah adat di daerah-daerah yang dinyatakan di atas. Seksyen 2 EPA Bab 215 mentakrifkan ‘*customary land*’ sebagai tanah yang telah didaftarkan dalam Daftar Mukim yang telah diendorskan di bawah enakmen yang sama atau di bawah seksyen 2 EPTA 1909.

Amnya, enakmen ini adalah berlandaskan sumber aturan Adat Perpatih. Ini termasuk peraturan yang mengatur pembahagian dan perwarisan harta. Antara elemen penting yang menjadi prinsip Adat Perpatih yang turut diperuntukkan oleh enakmen ini adalah pemilikan dan pewarisan tanah hanyalah kepada anggota perempuan daripada suku yang sama.

Tanah adat sebegini merupakan harta warisan pusaka dan ia berbeza daripada tanah yang diperoleh semasa hayat seseorang. Fakta ini telah turut diiktiraf di peringkat keputusan kehakiman oleh Hakim Horne dalam kes *Haji Hussain bin Haji Matsom v Maheran binti Haji Mohamed Tahir* [1946] MLJ 116 yang menyatakan:

*“Customary land” is land the title to which has been endorsed “Customary land” and that the expression “Customary land” meant land which was ancestral property (harta pesaka) as opposed to land which was acquired property (harta charian).*

Tanah yang dicatatkan sebagai ‘*customary land*’ mestilah ditadbir, diurus dan diwariskan mengikut peraturan adat. Dengan rekod pada Daftar Hakmilik dan Keluaran Geran Hakmilik, ia menjadi satu bentuk perlindungan ke atas tanah pemilikan oleh suku-suku Adat Perpatih tersebut apabila ia dapat mengelakkan tanah tersebut daripada berpindahmilik kepada individu yang bukan dari suku yang sama.

#### **(i) Pendaftaran tanah adat**

Di bawah seksyen 4(i), EPA Bab 215, Pentadbir Tanah diberikuasa untuk mencatatkan perkataan ‘*customary land*’ bagi mana-mana tanah yang diduduki dan ditadbir secara hukum adat. Dokumen Hakmilik yang dicatat ‘*customary land*’ mestilah Dokumen Hakmilik Pejabat Tanah dan bukannya Dokumen Hakmilik Pejabat Pendaftar Geran. Dan menurut seksyen 6, EPA Bab 215, pihak berkuasa negeri tidak boleh membuat pemberian hakmilik tanah ke atas tanah adat.

**(ii) Adat perpatih sebagai undang-undang substantif**

Dari sudut substantif, undang-undang yang terkandung dalam EPA Bab 215, sama seperti enakmen pemegangan adat yang lain secara keseluruhannya ialah peraturan-peraturan Adat Perpatih (Ibrahim, 2002). Seksyen 5 menyatakan bahawa hal ehwal tanah adat seperti pindahmilik, cagaran dan sebagainya hanya boleh dibuat mengikut adat melainkan terdapat peraturan lain yang dinyatakan di dalam enakmen tersebut.

Contohnya, dalam seksyen 7, tanah adat tidak boleh dipindahmilik atau dipajak melainkan kepada anggota perempuan dari mana-mana suku yang dua belas. Selain itu, seksyen 11 memperuntukkan hutang piutang dan kontrak si mati harus diselesaikan mengikut peraturan-peraturan adat. Seksyen 12 dan 13 memperuntukkan berkenaan waris lelaki bagi tanah adat yang ditinggalkan oleh si mati yang tidak mempunyai anak perempuan. Manakala seksyen 14 memberi perlindungan ke atas hak-hak pewarisan bagi waris-waris bawah umur.

**(iii) Pindahmilik dan sekatan**

Tanah adat hanya boleh dipindah milik, dipajak (*lease*) atau dicagarkan kepada seorang anggota perempuan dari suku-suku seperti yang dinyatakan dalam jadual B EPA Bab 215 tersebut. Menurut seksyen 7(iv) EPA Bab 215, pindahmilik, pajakan atau gadaian tanah adat juga mestilah dibuat dengan persetujuan dari Dato' Lembaga kepada Suku pemilik tanah berkenaan.

**(iv) Samada undang-undang adat hanya boleh ditadbir ke atas tanah yang diendors sebagai tanah adat**

Terdapat pertikaian pendapat dalam kalangan pentadbir tanah samada hanya tanah yang berdaftar atau dicatatkan sebagai tanah adat sahaja yang boleh ditadbir sebagai tanah adat. Persoalan timbul tentang penggunaan peraturan adat bagi urusan penyelesaian pusaka yang tidak berdaftar sebagai tanah adat. Sebahagian penulis dan pentadbir beranggapan bahawa peraturan adat adalah khas bagi tanah yang berdaftar tanah adat sahaja (Haron, 1992). Manakala tanah yang tidak berdaftar sebagai tanah adat pentadbirannya tidak tertakluk pada peraturan adat dan perwarisannya adalah mengikut hukum Islam seperti mana penyelesaian harta anggota masyarakat bukan adat (Haron, 1992).

Contohnya, di dalam kes **Indun bin Mat Zin v Haji Ismail bin Musa** [1937] FMSLR 89, Hakim Pedlow enggan mengikut peraturan adat kerana tanah yang dipertikaikan tidak terdaftar sebagai ‘Customary Land’. Manakala Hakim Mudie di dalam kes **Kutai Taensah** ([1933-34] FMSLR 304) tidak mengikut peraturan adat bagi tanah carian suami isteri yang menjadi subjek pertikaian.

Namun begitu, ada juga hakim yang berpendapat bahawa tanah yang tidak terdaftar sebagai ‘customary land’ tidak semestinya tidak boleh mengikut peraturan adat. Hakim Cussen di dalam **Re Haji Mansur (decd)** [1939] FMSLR 73, berpendapat, ‘Tidak mungkin dalam sesuatu adat itu terdapat dua amalan sistem perwarisan tanah yang berdasarkan kepada adat dan hukum Islam’.

Dalam kes yang lain, **Re Haji Mansur bin Duseh Alias Matso Bin Duseh Deceased** [1940] MLJ 110, hakim memutuskan bahawa terdapat undang-undang tidak bertulis yang dikenali sebagai undang-undang adat yang masih wujud di Negeri Sembilan dan ianya mestilah dianggap masih lagi wujud selagi mana ianya tidak bertentangan dan tidak diubah atau dihapuskan, undang-undang tersebut mestilah diberi keutamaan dalam pemakaian dalam lingkungan konteks yang dibenarkan. Seperti yang dinyatakan kata hakim tersebut,

*There has been, and still, beyond any doubt, a body of unwritten law, that is customary law known as Adat, in existence in certain parts of Negeri Sembilan... Such a body of unwritten law, that is customary law, must be presumed to continue to exist until the contrary is established .... Except where it is shown that such adat*

*or unwritten law has been repealed, that law must be given effect to within the sphere of its operation.*

Bagaimanapun, kes-kes dan bahan penulisan yang dirujuk di atas telah agak lama yang oleh itu memerlukan satu kajian lanjut bagi meneliti kedudukan adat tidak bertulis di dalam pentadbiran undang-undang Adat Perpatih di samping peruntukan statut sedia ada.

### **Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960 (EPATL)**

Enakmen ini berkuat kuasa pada tahun 1960 untuk Wilayah Adat Luak Ulu Muar dan sebahagian Luak Jempol dalam Daerah Kuala Pilah dan Daerah Jempol. Ia adalah satu enakmen untuk memelihara Adat Lengkongan di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan berhubung dengan urusan tanah Lengkongan seperti yang dinyatakan di dalam Mukadimah *Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lingkungan) 1960*.

Seksyen 2 enakmen tersebut mentakrifkan Adat Lengkongan sebagai undang-undang tanah adat orang Melayu yang bermastautin di daerah Kuala Pilah yang merupakan anggota suku yang disenaraikan Jadual A enakmen tersebut:

i. Suku Lengkongan Astana

<b>Suku</b>	<b>Ketua Suku</b>
1. Ayer Kaki pada Yam Tuan	Orang Empat Astana
2. Batu Hampar (Air Kaki Yang Jernih)	Orang Empat Astana
3. Tanah Datar (Lengkongan Yam Tuan) termasuk Tanah Datar, Kampong Pauh dan Gunung Pasir)	Orang Empat Astana
4. Seri Lemak Minangkabau (Lengkongan Yam Tuan)	Orang Empat Astana
5. Seri Lemak Pahang (Lengkongan Yam Tuan)	Dato' Andatar
6. Anak Aceh	Dato' Besar
7. Tiga Batu (Lengkongan Yam Tuan)	Dato' Besar

ii Suku Lengkongan yang lain

<b>Suku</b>	<b>Ketua Suku</b>
1. Seri Lemak Pahang (Senaling)	Dato' Andika
2. Sri lemak Minangkabau (Peraku)	Dato' Sutan Bendahara
3. Batu Hampar Empat Puluh (Pelangai)	Dato' Raja Panglima
4. Tanah Datar (Gunong Pasir)	Dato' Johan
5. Batu Hampar (Telapak)	Dato' Maharaja
6. Batu Hampar (Kampong Tengah)	Dato' Panglima Besar

Enakmen ini juga menyatakan bahawa ‘Tanah Lengkongan’ adalah tanah yang dipegang di bawah catatan dalam Daftar Mukim yang didaftarkan atas nama orang-orang Melayu yang menjadi anggota salah satu suku yang dinyatakan dalam Jadual A di mana hakmiliknya mengandungi satu daripada endorsan atau pengubahan berikut:

- i. Lengkongan Land atau Tanah Lengkongan
- ii. Lengkongan Ayer Kaki atau Ayer Kaki
- iii. Lengkongan Ayer Kaki Orang Empat Astana
- iv. Lengkongan Orang Empat Astana
- v. Lengkongan To' Besar atau Lengkongan Ayer Kaki To' Besar.

**(i) Prosedur pendaftaran Tanah Adat Lengkongan**

Prosedur pendaftaran Tanah Adat Lengkongan adalah sama dengan prosedur dalam EPA Bab 215 yang mana Pentadbir Tanah diberikuasa untuk mencatatkan perkataan ‘*customary land*’ bagi mana-mana tanah yang diduduki dan ditadbir secara hukum adat. Di bawah Seksyen 4(i) EPATL, Pemungut diberi kuasa untuk mencatatkan perkataan ‘Lengkongan Land’ atau ‘Tanah Lengkongan’ dalam mana-mana tanah pusaka di bawah Daftar Mukim.

Bagaimanapun, berbeza dengan EPA Bab 215 yang mana pemiliknya hanya boleh didaftarkan di atas nama anggota perempuan sahaja, pendaftaran tanah adat lengkongan dibawah seksyen 4(i) EPATL boleh didaftarkan di atas nama lelaki atau perempuan. Pemilik tanah mestilah dari suku masyarakat Adat Lengkongan yang disenaraikan dalam Jadual A enakmen tersebut.

**(ii) *Undang-undang dan sekatan ke atas pemilikan tanah adat lengkongan***

Tanah Adat Lengkongan hendaklah pada setiap masa dan ketika dimiliki oleh orang lelaki dan/atau perempuan dalam anggota suku yang dinyatakan dalam Jadual A enakmen tersebut. Manakala setiap urusan tanah adat seperti yang tertulis di dalam seksyen 7 (iv) EPA Bab 215 hendaklah dimaklumkan dan dipersetujui oleh Dato’ Lembaga atau ketua adat.

**(iii) *Permohonan untuk membahagi harta pusaka tanah adat lengkongan***

Permohonan untuk pembahagian harta pusaka tanah Adat Lengkongan dibuat di bawah seksyen 10. Cara dan prosedur perjalanan perbicaraan adalah sama dengan yang dinyatakan di dalam EPA Bab 215. Tetapi Adat Lengkongan mengamalkan peraturan pewarisan yang berbeza dengan Adat Perpatih yang lain. Anak lelaki dan anak perempuan dalam adat lengkongan berhak mewarisi secara sama rata. Bahagian yang didaftarkan atas nama perempuan akan menjadi harta dapatan dan akan dibahagi mengikut prinsip dapatan tinggal kepada waris-waris adat si perempuan itu sekiranya beliau mati. Bahagian yang didaftarkan atas nama lelaki akan menjadi harta pembawaan dan akan dibahagi mengikut prinsip pembawaan kembali.

## **ISU PERUNDANGAN TANAH ADAT**

### **Pendaftaran tanah milik individu**

Enakmen-enakmen pemegangan tanah adat memerlukan pendaftaran tanah kepada individu yang berhak mewaris tanah adat. Sedangkan, dari sudut Adat Perpatih, sungguhpun tanah adat diwarisi oleh pihak pewaris perempuan, tanah tersebut dianggap sebagai milik suku.

Pendaftaran nama bagi pemilik tanah adat kepada individu yang diperlukan oleh enakmen-enakmen pemegangan tanah adat mungkin telah menjadi sebab yang memangkinkan hilangnya prinsip asas hukum adat serta status tanah tersebut sebagai pemilikan tanah milik suku. Sedangkan adalah satu prinsip asas dalam hukum Adat Perpatih ialah semua harta seperti tanah adat hak kepada suku dan bukan hak individu (Haron, 1997). Dengan itu, penama yang dicatatkan namanya di dalam rekod pendaftaran tanah dianggap sebagai pemegang amanah bagi suku yang memiliki. Konsep ini diakui oleh hampir kesemua responden (96%) dalam kajian ini (A. A. Rahman et al., 2015).

Konsep penama tanah adat sebagai pemegang amanah telah dijelaskan oleh seorang penyelidik dari universiti awam tempatan (A. A. Rahman et al., 2015). Beliau mengatakan, berdasarkan kepada sejarah, konsep ini berasal daripada amalan masyarakat Minangkabau yang datang dari Indonesia ke Negeri Sembilan. Mereka membuka kawasan penempatan baru secara kolektif dan menjadikan kawasan tersebut sebagai hak milik suku. Kemudian, tanah tersebut diserahkan kepada wanita sebagai pemegang amanah dari satu generasi ke generasi mengikut Adat Perpatih.

Bagaimanapun, apabila proses pendaftaran tanah dibuat, individu yang didaftarkan namanya bagi tanah-tanah adat tersebut menganggap tanah tersebut miliknya secara individu. Ini telah memberi ruang untuk individu berdaftar sebagai pemilik tanah untuk tidak mengaplikasikan undang-undang adat. Dengan kata lain, pemberian hak milik tetap melalui surat hakmilik yang sah menyebabkan tanah adat tidak lagi dianggap sebagai milik bersama (milik suku) tetapi milik individu. Dengan adanya hak milik individu terhadap tanah adat maka pemilik mempunyai hak untuk memungut hasil, mencagar dan menerima pampasan ke atas tanah tersebut (Manaf, 2009).

### **Pemilik sesebuah tanah adat yang terlalu ramai berbanding keluasan tanah adat yang kecil**

Apabila generasi bertambah dengan perubahan masa, jumlah pemilik tanah adat yang dicatatkan ke dalam Daftar Hakmilik telah menjadi semakin ramai. Dengan keluasan tanah adat yang tidak bertambah, jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh seseorang pemilik adalah sangat kecil. Kajian oleh Nadzan Haron yang diterbitkan pada tahun 1997 menunjukkan dalam banyak keadaan, terdapat tanah-tanah adat yang kurang daripada 1 ekar tetapi mempunyai jumlah pemilik sehingga 40-50 orang. Jumlah pemilik akan bertambah dengan bertambahnya generasi anak perempuan (Azima, 2011); (Haron, 1992). Fakta ini juga diakui oleh Haji Sulaiman Kadimi, bekas pegawai yang berpengalaman dalam pentadbiran tanah di Negeri Sembilan, dalam syarahannya pada 2015.

Bagi satu lot tanah, hanya terdapat satu geran Hakmilik Keluaran yang dikeluarkan. Dengan jumlah pemilik yang ramai, beberapa masalah yang lain juga timbul seperti pengurusan tanah, pertikaian di antara pemilik tanah tentang kedudukan sebenar pemilikan masing-masing serta konflik berkenaan urusan pembayaran cukai (Haron, 1997).

Keadaan sebegini menyukarkan proses penggunaan dan pembangunan tanah-tanah adat tersebut. Ini menjadi punca banyak tanah-tanah adat yang terbiar apabila persetujuan daripada pemilik-pemilik tanah gagal diperoleh (Azima, 2011); (Manaf, 2009). Manakala, keluasan tanah yang kecil juga menjadikan kos pembangunan tanah menjadi tinggi berbanding hasil yang boleh diperoleh (Haron, 1997).

### **Kelemahan autoriti institusi adat**

Adat tidak berdiri dengan sendirinya. Ia memerlukan satu institusi bagi menyokong penerusan dan kreditibitnya. Dalam masyarakat Adat Perpatih, tanah-tanah adat milik suku ditadbir oleh ‘undang’. Undang merupakan institusi penting dalam kepimpinan sesebuah suku. Namun apabila sistem pentadbiran yang baru diperkenalkan sejak zaman pentadbiran Inggeris, autoriti undang telah berkurangan kepada pentadbiran tanah adat dan pembahagiannya sahaja (Haron, 1997).

Bermula dengan pengenalan bentuk pentadbiran yang baru oleh British sejak lewat kurun ke 19, terdapat dua bentuk institusi yang mentadbir daerah-daerah di negeri ini. Satu institusi yang terbabit secara langsung dalam pentadbiran kerajaan negeri dilantik sebagai pegawai kerajaan. Manakala golongan yang mentadbir adat yang terdiri daripada ketua-ketua adat tidak mempunyai peranan secara langsung sebagai anggota pentadbiran dalam kerajaan (Idris, Hussin, & Yussof, 2015).

Khususnya, pentadbiran daerah tertakluk di bawah pentadbiran negeri yang berpusat di Seremban (Sungai Ujong). Ketua pentadbir di peringkat daerah adalah pegawai khas yang dilantik bergelar majistret dan pegawai pemungut hasil tanah. Pentadbir ini bertanggungjawab ke atas pentadbiran tanah, misalnya memungut hasil cukai, menguruskan pemindahan hak milik tanah dan sebagainya. Manakala bagi setiap mukim dalam suatu daerah jawatan penghulu mukim dan bagi setiap kampung pula diwujudkan jawatan ketua kampung. Berikutnya bentuk pentadbiran sebegini, golongan ketua-ketua adat hanyalah berfungsi dalam hal tanah adat semata-mata (Idris et al., 2015).

Dengan yang demikian, autoriti institusi adat yang semakin goyah ini telah memberi kesan langsung kepada kedudukan hukum adat itu sendiri dalam masyarakat. Berbanding dengan masa dahulu, institusi Adat Perpatih ini mempunyai mekanisma untuk menguatkuasakan peraturan adat apabila berlaku

keingkaran. Tetapi tidak lagi demikian pada masa ini. Ini menyebabkan tiada satu sistem sokongan untuk meneguhkan institusi tanah adat.

### **Persepsi negatif terhadap undang-undang adat**

Undang-undang Adat Perpatih dan juga kelangsungannya juga berdepan dengan persepsi negatif oleh ramai pihak terhadap undang-undang adat tersebut. Terdapat juga kesangsian tentang kapasiti instrumen tanah adat untuk memenuhi keperluan masyarakat pada masa kini.

Berdasarkan kepada data yang diperoleh daripada responden, seramai 407 orang responden atau 77.5 peratus bersetuju bahawa ramai pihak mempunyai persepsi negatif terhadap Adat Perpatih. Hanya 66 orang atau 12.6 peratus menyatakan sebaliknya.

Persepsi negatif terhadap tanah adat yang diamalkan di Negeri Sembilan termasuklah pandangan-pandangan yang menyatakan Adat Perpatih bercanggah dengan agama Islam (Haron, 1997); (Jamil & Taib, 2012). Ini kerana aturan pembahagian harta pesaka yang berbeza dengan peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang Islam.

Manakala ada juga yang berpendapat bahawa adat tidak lagi relevan dengan keadaan masa kini. Hukum dan peraturan Adat Perpatih telah banyak yang diketepikan oleh ahli masyarakatnya sendiri (Haron, 1997). Selain itu, ia juga mungkin berpuncu dari kekurangan kefahaman masyarakat tentang roh dan kepentingan instrumen tanah adat serta aturannya yang bertujuan untuk melindungi kepentingan generasi akan datang masyarakat Adat Perpatih.

Ini disahkan oleh seorang responden dalam kajian ini yang mengatakan kebanyakan masyarakat luar mempunyai tanggapan yang salah terhadap pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan termasuklah amalan tanah adat. Mereka beranggapan bahawa sesiapa yang berkahwin dengan wanita daripada kalangan masyarakat bersuku di Negeri Sembilan, semua harta mereka akan menjadi milik isteri dan jika berlaku penceraian, mereka akan keluar daripada negeri tersebut sehelai sepinggang.

Bagaimanapun, persepsi sedemikian telah memberi kesan langsung kepada keberkesanan enakmen tanah adat mencapai matlamatnya. Ia telah menyebabkan ramai ahli masyarakat Adat Perpatih yang tidak mahu untuk meneruskan tradisi tanah adat. Tidak ramai ahli masyarakat Adat Perpatih yang mahu tanah dicatat sebagai tanah adat. Seperti yang dinyatakan di atas, jumlah kluasan tanah adat juga adalah sangat kecil berbanding keseluruhan tanah di Negeri Sembilan. Akibatnya, lama kelamaan undang-undang adat ini akhirnya tidak lagi relevan.

### **Adat yang dikanunkan menjadi statik**

Apabila undang-undang adat yang secara semulajadinya tidak bertulis dikanunkan dalam bentuk seperti statut, ia memberi faedah dari sudut mendefinisikan dan menjelaskan peraturan undang-undang tersebut. Dengan itu, undang-undang tersebut boleh disampaikan dan diketahui oleh orang awam secara lebih meluas. Ini memudahkan proses pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang adat sebagaimana undang-undang yang lain. Amalan dan hukum tradisi yang tidak bertulis akan hilang ditelan zaman. Roh dan kepentingan amalan dan tradisi tersebut juga tidak akan diingati oleh generasi yang seterusnya.

Bagaimanapun, proses menganunkan undang-undang adat juga boleh mengurangkan elemen penting dalam sesuatu adat, iaitu sifatnya yang mampu berubah secara semulajadi mengikut keperluan dan situasi zaman. Sedangkan undang-undang dalam bentuk statut mengambil masa yang lama untuk ia diubah oleh institusi yang bertanggungjawab. Akibatnya undang-undang adat yang dikanunkan itu menjadi statik dan mungkin tidak lagi sesuai dengan keperluan zaman. Keadaan ini mungkin faktor kepada kedudukan undang-undang adat pada masa ini yang sering dilihat sebagai tidak lagi relevan pada masa ini sedangkan proses penganunan itu sendiri yang telah menghentikan kapasiti undang-undang adat untuk terus sesuai dengan keadaan semasa.

## KESIMPULAN

Pelbagai masalah yang diutarakan dalam makalah ini memperlihatkan keperluan untuk melihat kembali undang-undang sedia ada. Sedangkan tanah adat merupakan instrumen penting yang boleh memelihara kepentingan masyarakat adat di Negeri Sembilan. Tanah komuniti mempunyai potensi yang besar dari sudut ekonomi bagi membangunkan komuniti itu sendiri.

Persoalan penting yang timbul adalah samada statut dan pentadbiran undang-undang adat yang sedia ada telah mengisi keperluan hukum Adat Perpatih yang bertujuan melindungi kepentingan masyarakat Adat Perpatih itu sendiri. Mungkin statut tersebut yang telah digubal dan dilaksanakan menggunakan instrumen asing yang tidak sesuai dengan hukum adat dan tujuannya.

Statut yang ada telah juga tidak mengambilkira tentang status tanah yang mana konsep asalnya merupakan tanah milik suku atau komuniti. Ini menjadi faktor kepada pudarnya prinsip penting yang ingin dilindungi oleh Adat Perpatih iaitu melindungi tanah milik komuniti daripada bertukarmilik.

Ini juga berkaitrapat dengan asas jurisprudens sesebuah tanah milik komuniti berbanding tanah milik individu. Statut yang diperkenalkan telah menggunakan perspektif tentang harta oleh pegawai-pegawai dari Britain yang tidak memahami adat masyarakat setempat di Negeri Sembilan. Malahan seringkali tulisan-tulisan oleh orang Inggeris yang merupakan tulisan awal berkaitan tanah dan konteksnya di kalangan masyarakat dianggap sebagai autoritatif. Sementelah tulisan-tulisan tersebut seringnya keliru dan tidak tepat tentang konsep sebenar tanah adat (Alatas, 1977); (N. A. A. Rahman, 2006).

Sungguhpun ia tidak tepat dan tidak menggambarkan konsep sebenar yang diamalkan masyarakat, ia telah menjadi asas kepada pembentukan statut-statut khusus berkaitan tanah adat yang berkuatkuasa sehingga ke hari ini. Konsep pendaftaran pemilikan individu sebaliknya telah diperkenalkan ke atas tanah milik komuniti. Keadaan ini merupakan faktor penting kepada runtuhnya asas penting dalam institusi tanah adat.

Oleh itu, kajian perlu dilakukan tentang kerangka undang-undang yang mentadbir hukum adat itu sendiri bagi memahami masalah yang dihadapi dalam pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan. Kaedah pengurusan tanah komuniti milik masyarakat asal di negara-negara lain seperti Australia contohnya mungkin boleh diteliti sebagai model kepada pengurusan tanah adat di Negeri Sembilan dengan mengambilkira kesesuaian konteksnya.

## RUJUKAN

- Alatas, S. H. (1977). *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism*. London: Frank Cass.
- Azima, A. M. (2011). Idle Agriculture Land Resources Management and Development – An Institutional Causes: A Case Study in Malaysia Interdisciplinary. *Journal of Research in Business*, 1(8), 21-27.
- Haron, N. (1992). Perlaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pemtadbiran Tanah di Negeri Sembilan. *JEBAT*, 20, 43-55.
- Haron, N. (1997). *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800 - 1900*. Seremban: Muzium Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan.

- Ibrahim, N. (2002). Tanah Adat, Dulu, Kini dan Akan Datang. *Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, 65.
- Idris, A. S., Hussin, N., & Yussof, I. (2015). Perlaksanaan Customary Tenure Enactment (CTE) Zaman Kolonial dan Kesannya ke atas Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan (1921-1940). *Kajian Malaysia (Malaysian Studies)*, 33(1), 67-92.
- Jamil, M. T., & Taib, J. H. M. (2012). Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. Dalam N. Zainal, A. R. A. Kadir, M. S. A. Latof, S. A. Omar, & M. Z. M. Zin (Eds.), *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* (pp. 619-624). Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Kadimi, S. (2015). *Pemahaman dan Pengamalan Tanah Adat di Negeri Sembilan*. Kertas kerja yang dibentangkan di Kolokium Tanah Adat Negeri Sembilan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Manaf, A. A. (2009). Masalah dan cabaran tanah adat Minang di dunia Melayu Malaysia dan Indonesia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), 69 - 78.
- Rahman, A. A., Wook, I., Sholehuddin, N. b., Amani, N. C., Hassan, S. S. C., Mutalib, L. A., . . . Fauzi, A. A. M. (2015). *Persepsi dan pengamalan masyarakat terhadap tanah adat dan undang-undang tanah adat: Kajian di Negeri Sembilan Darul Khusus*. Nilai: Penerbit USIM.
- Rahman, N. A. A. (2006). *Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some Continuities*. Leiden: Brill.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Kursi Penyelidikan Tanah Adat bertajuk ‘Persepsi dan Pengamalan Masyarakat terhadap Tanah Adat dan Undang-undang Tanah Adat’ yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia, No Penyelidikan: USIM/MAINS/FSU/30/40215.